

TAJUK :
METODOLOGI DAKWAH
ZIARAH PESAKIT

TARIKH : 18 APRIL 2009

TEMPAT :
HOTEL GRAND PACIFIC
KUALA LUMPUR

KEWAJIPAN MENZIARAH PESAKIT

Lima perkara yang menjadi kewajipan bagi seorang Muslim ke atas saudara seIslamnya ialah: Menjawab salam, mengunjungi pesakit, mengiringi jenazah, menunaikan jemputan kahwin dan mendoakan kepada orang yang bersin. - HR Bukhari dan Muslim

GANJARAN MENZIARAHI PESAKIT

Sesiapa yang menziarahi seorang pesakit di waktu pagi, nescaya 70,000 malaikat akan berselawat ke atasnya sehinggalah ke petang. Jika pada waktu petang, nescaya 70,000 malaikat akan berselawat ke atasnya hingga ke waktu pagi. - HR Ahmad

KONSEP SAHABAT PPUM

- HABLUM MINALLAH HABLUM MINANNAS
- TAQWA
- FARDHU KIFAYAH

KUMPULAN SASAR

- PESAKIT
- PENJAGA PESAKIT
- KELUARGA PESAKIT
- MASYARAKAT

SIAPA YANG HARUS DI ZIARAH

- PESAKIT YANG DIRUJUK OLEH WAD
- PESAKIT YANG MINTA DILAWAT
- PESAKIT YANG TIADA PELAWAT
- PESAKIT YANG MURUNG, EMOSIONAL
- PESAKIT YANG TINGGAL LAMA DI WAD
- SECARA UMUM SEMUA PESAKIT DAN PENJAGA / WARIS PESAKIT

TUJUAN LAWATAN / PERANAN PENZIARAH

MEMBANTU :

- MENCERIAKAN / MENYENANGKAN HATI PESAKIT DAN PENJAGA
- MENDOAKAN PESAKIT AGAR CEPAT SEMBUH
- MEMBANTU PESAKIT DALAM URUSAN HARIAN SEPERTI MAKAN, MINUM DAN AMAL IBADAH JIKA DIPERLUKAN
- MEMBERI SOKONGAN EMOSI KEPADA PESAKIT & PENJAGA

TUNTUTAN UNTUK SALING MEMBANTU SESAMA INSAN

- DAN HENDAKLAH ADA DI ANTARA KAMU
SEGOLONGAN UMAT YANG YANG MENYERU KEPADA
KEBAJIKAN MENYURUH KEPADA YANG MA'RUF DAN
MENCEGAH DARI YANG MUNGKAR. – ALI-IMRAN : 104
- MAKSUD FIRMAN ALLAH : “HENDAKLAH KAMU
TOLONG-MENOLONG DALAM MENGERJAKAN
KEBAJIKAN DAN MEMELIHARA DIRI DARI KEJAHATAN
DAN JANGANLAH KAMU BERTOLONG-TOLONGAN
DALAM PERKARA DOSA DAN MAKSIAT” -AL-MAIDAH : 2

PERSEDIAAN MEMULAKAN AKTIVITI ZIARAH

- PERSEDIAAN FIZIKAL, MENTAL & SPIRITUAL
- MENDAPATKAN KEBENARAN DARI PIHAK HOSPITAL
- KENAL PASTI WAD PILIHAN DAN KUMPULAN SASAR
- KENAL PASTI AKTIVITI YANG HENDAK DILAKUKAN SEMASA LAWATAN
- BENTUK BANTUAN / KHIDMAT YANG BOLEH DIBERIKAN

PANDUAN MEMULAKAN AKTIVITI ZIARAH

1. BERJUMPA DENGAN PENGURUS WAD DAN PERKENALKAN DIRI
2. MULAKAN DENGAN SALAM & PERKENALKAN DIRI KEPADA PESAKIT / PENJAGA
3. ELOK JIKA ADA BUAH TANGAN / MAKANAN / HADIAH YANG SESUAI
4. SENTUHAN MENGIKUT KEADAAN PESAKIT

5. KURANGKAN BERTANYA BERKENAAN PENYAKIT PESAKIT
6. ELAKKAN BERTANYA/MENYOAL/BERCERITA PERKARA YANG TIDAK BERKAITAN SEPERTI BILA KAKI NI DIPOTONG, KENAPA CUKUR RAMBUT ?
7. MENYENANGKAN HATI PESAKIT DENGAN PERKATAAN-PERKATAN YANG BAIK DAN POSITIF.
8. BESABAR DENGAN KERENAH PESAKIT

9. MERINGKASKAN ZIARAH KECUALI JIKA PESAKIT MASIH MAHU KEHADIRAN KITA
10. JANGAN GANGGU KERJA PETUGAS WAD
11. GALAKKAN PESAKIT UNTUK SENTIASA BERZIKIR DAN BERBAIK SANGKA DENGAN ALLAH.
12. AJARLAH DAN BERIKAN PANDUAN SOLAT UNTUK MEREKA YANG UZUR
13. AKIHIRI ZIARAH DENGAN MENDOAKAN KESEMBUHAN PESAKIT

CONTOH NASIHAT / KATA-KATA POSITIF YANG BOLEH DIBERIKAN KEPADA PESAKIT

Allah SWT menguji kesyukuran kita dengan kesenangan hidup, harta, kuasa, kejayaan, kedudukan, kesihatan dan panjang umur. Allah SWT juga menguji kesabaran kita dengan kemiskinan, kemalangan, penyakit dan musibah lain.

Ujian tersebut bertujuan supaya kita insaf dan bertaubat kejalan yang lebih baik / benar.

Firman Allah dalam surah Al-A'raf : 168

Dan Kami uji mereka dengan nikmat pemberian yang baik-baik dan bala bencana yang buruk-buruk supaya mereka kembali

Sesungguhnya Allah benar-benar akan menguji hambaNya dengan penyakit sehingga menghapuskan darinya setiap dosa.

HR Al-Hakim

NASIHAT KEPADA PESAKIT AGAR TERUS BERDOA & BERTAWAKKAL KEPADA ALLAH

Hendaklah sentiasa berdoa kepada Allah :

Berdoalah kamu kepada Ku, nescaya akan Aku perkenankan doa permohonan kamu. - Surah Al Mukmin: 60

Hendaklah sentiasa berserah kepada Allah :

Apabila aku sakit, Allah yang menyembuhkan aku.
Surah Asy-Syuaraa':80

NASIHAH KEPADA PESAKIT AGAR TERUS BERSYUKUR & BERBAIK SANGKA KEPADA ALLAH

Bagi orang yang bersyukur kepada Allah SWT di atas segala ni'mat yang diperolehinya, Allah akan tambahkan ni'mat kepadanya. Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur, Aku akan tambah ni'mat Ku. - Surah Ibrahim:

7

NASIHAT KEPADA PESAKIT AGAR TERUS SABAR & REDHA DENGAN TAQDIR ALLAH

Nasihatilah pesakit agar sabar dan redha dengan penyakit yang menyimpannya Sesungguhnya Allah beserta dengan orang yang sabar. Allah SWT juga akan mengampunkan dosa-dosa orang yang sabar.

Firman Allah dalam surah Az-zumar :10

Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabarlah sahaja yang disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira.

Seseorang Muslim itu tidaklah terkena musibah seumpama kepayahan,kepedihan, kesusahan, kesedihan, kesakitan dan dukacita sehinggakan duri yang menusuknya melainkan Allah akan menghapuskan dosa-dosanya nya dan mengampunkan kesalahan-kesalahannya. - HR Bukhari dan Muslim

AKTIVITI YANG BOLEH DILAKUKAN KETIKA MENZIARAH PESAKIT

- ZIARAH UMUM
- MEMBANTU MEMBELIKAN/MENDAPATKAN BARANGAN KEPERLUAN
- KEBERSIHAN DIRI
- KEAGAMAAN DAN KEROHANIAN
 - Wudu', tayammum, solat, bacaan Ya-sin, urus jenazah
- MENGEDARKAN BAHAN BACAAN
 - Majalah, risalah kesihatan, doa, ayat syifa', panduan ibadah
- KAUNSELING
- PENDIDIKAN
- MERAIKAN SAMBUTAN PERAYAAN, HARI KEBESARAN
- BANTUAN KEWANGAN / MAKANAN / BARANGAN / TEMPAT TINGGAL

RUANG BERSUKARELA, DI PPUM

- 1- MENARA UTAMA
 - 1.1 WAD GERIATRIK – TINGKAT 13
 - 1.2 WAD PERUBATAN – TINGKAT 12
 - 1.3 PEDIATRIK 6 - TINGKAT 11
 - 1.3 WAD GINEKOLOGI – TINGKAT 10
 - 1.4 WAD ORTOPEDIK – TINGKAT 8 & 9
 - 1.5 WAD SURGIKAL – TINGKAT 6 & 7
 - 1.6 WAD NEURO SAINS – TINGKAT 5
 - 1.7 WAD KARDIOLOGI – TINGKAT 4

- 2. MENARA TIMUR

2.1 WAD PEDIATRIK 3 – TINGKAT 9

2.2 WAD RENAL & PERUBATAN-TINGKAT 8

2.3 WAD ENT – TINGKAT 7

2.4 WAD HEMOTOLOGI – TINGKAT 6

2.5 WAD PICU - TINGKAT 5

2.6 WAD PEDIATRIK 2 & 5 -TINGKAT 3

2.7 WAD PSIKIATRIK – TINGKAT 3

3. BANGUNAN WAD BERSALIN

3.1 WAD M 1 & M 2 – TINGKAT 2

3.2 WAD M 3 – TINGKAT 3

3.3 WAD PAEDIATRIK 4 – TINGKAT 3

SEKIAN, TERIMA KASIH

DR. DZULKHAINI HJ. HUSAIN
PENGERUSI,
PERSATUAN SAHABAT PPUM

TINGKAT 2, MENARA UTAMA,
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA,
59100 LEMBAH PANTAI,
KUALA LUMPUR.

TEL / FAX : 03-7949211

HP : 012-2343232